

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

HKB 310 - Kesusastraan Benua Kecil India

Tarikh: 17 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
( 3 Jam )

Jawab **EMPAT(4)** soalan.

1. Sejauh manakah Anand berjaya melampaui keadaan tempatan supaya memberi kita satu gambaran perjuangan hidup yang universal? (The Untouchable).
2. Kajikan perkembangan Raju dan Rosie sebagai pencari identiti rohaniah dan nilaikan setakat manakah Narayan berjaya di dalam penggunaan unsur-unsur lucu bagi memaparkan perjalanan protagonis-protagonis tersebut ke arah penunaian rohaniah (The Guide).
3. Bagaimana dan seindah manakah Kamala Markhandaya menolong kita memandang lebih dalam ke dalam perasan dan pemikiran Rukmani? (Nectar in a Sieve).
4. Sejauh manakah Kamala Markhandaya berjaya memaparkan pertembungan di antara nilai-nilai Barat dan Timur di dalam Possession?
5. Meskipun India telah melahirkan ramai pengarang terkemuka, dari sudut puisi tidak ada seorang penyair pun yang mempunyai keindividulan yang cukup atau penggunaan bahasa yang cekap.

Dengan merujuk kepada dua(2) penyair tunjukkan sama ada anda bersetuju dengan pendapat di atas atau tidak.

6. Analisiskan secara mendalam pencapaian dua(2) penyair yang dikaji supaya menjelaskan sejauh mana mereka berjaya di dalam usaha mereka mengemukakan sesuatu wawasan yang segar tentang kerumitan hidup.

7. Ramai pengarang di luar Kepulauan British berpendapat bahawa mereka terpaksa menceritakan situasi-situasi atau pembentukan pemikiran yang tidak ada persamaan langsung dalam cara hidup orang Inggeris. Dengan analisis mana-mana seorang pengarang yang dikaji di dalam kursus ini, tunjukkan setakat mana beliau berjaya memperluaskan bahasa Inggeris supaya merangkumi warna-warni, idioma dan semangat istimewa India.

-ooo000ooo-